



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2012

TARIKH KELUARAN: 4 MEI 2012



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2012
Tarikh Keluaran: 4 Mei 2012**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

(Keluaran A Ketetapan Umum No. 3/2001 ini bertarikh 18 Januari 2001 dan Tambahan kepada Ketetapan Umum No.3/2001 bertarikh 18 Mei 2009 telah digantikan dengan penerbitan Edisi Pertama ini)

Diterbitkan pada 4 Mei 2012

Edisi pertama pada 4 Mei 2012

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Permohonan perlu dialamatkan kepada penerbit. Kebenaran bertulis hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.

KANDUNGAN

Muka surat



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2012
Tarikh Keluaran: 4 Mei 2012**

1.	Pendahuluan	1
2.	Peruntukan Berkaitan	1
3.	Interpretasi	1
4.	Hak Rayuan Dan Masa Untuk Membuat Rayuan	1
5.	Rayuan Terhadap Pemberitahuan Tidak Kena Cukai	3
6.	Rayuan Bagi Kes Perkongsian	5
7.	Rayuan Yang Lewat	5
8.	Alasan Untuk Rayuan	6
9.	Kajian Semula Taksiran	7
10.	Penyelesaian Rayuan	7
11.	Perwakilan	7

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 3/2012
Tarikh Keluaran: 4 Mei 2012

1. Ketetapan ini menerangkan prosedur berhubung dengan rayuan terhadap taksiran yang dibangkitkan atau disifatkan serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi apabila membuat rayuan.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 97A, 99, 100, 101 dan 102.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 "Ejen cukai" bermaksud mana-mana akauntan profesional atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Menteri berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.
 - 3.2 "Orang" atau "seseorang" termasuk syarikat, koperasi, perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka, kelab, persatuan, dan individu.
 - 3.3 "Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan" (PKCP) dan "Kerani kepada PKCP" merujuk kepada Pesuruhjaya Khas dan Kerani yang dilantik di bawah seksyen 98 ACP 1967.
4. **Hak Rayuan Dan Masa Untuk Membuat Rayuan**
 - 4.1 Seseorang yang tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibangkitkan, atau disifatkan, ke atasnya oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berhak merayu terhadap taksiran itu.
 - 4.2 Rayuan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q tidak lewat dari 30 hari selepas notis taksiran itu diterima atau notis taksiran yang disifatkan itu dianggap sebagai telah diterima.
 - 4.3 Orang yang membuat rayuan (perayu) hendaklah mengemukakan 4 salinan Borang Q yang berasingan bagi setiap tahun taksiran dan perlu memastikan sekurang-kurangnya satu salinan Borang Q adalah salinan asal manakala 3 lagi boleh difotokopi. Borang Q yang lengkap hendaklah dikemukakan ke cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengendalikan fail perayu. Borang Q boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>.

Contoh 1

Cik A mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2011 pada 30.4.2012. Beliau dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2011 tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum.

Menurut subseksyen 90(2) ACP 1967, notis taksiran yang disifatkan adalah dianggap sebagai telah diserahkan kepada Cik A pada tarikh yang sama. Rayuan hendaklah dibuat tidak lewat dari 30.5.2012 dengan mengemukakan Borang Q.

Contoh 2

Syarikat B yang menutup akaun pada 31 Disember, mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2011 kepada KPHDN pada 29.7.2012. Syarikat dikenakan cukai tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum.

Menurut subseksyen 90(2) ACP 1967, notis taksiran yang disifatkan adalah dianggap sebagai telah diserahkan kepada syarikat pada tarikh yang sama. Rayuan hendaklah dibuat tidak lewat dari 28.8.2012.

Contoh 3

Syarikat C menutup akaun pada 31 Disember. Pada awal tahun 2012 syarikat telah diaudit oleh LHDNM. Akibat penemuan audit tersebut syarikat telah dikenakan cukai tambahan bagi tahun taksiran 2009 dan 2010. Notis taksiran tambahan bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 bertarikh 30.6.2012 diserahkan kepada syarikat. Syarikat C tidak bersetuju dengan taksiran tambahan yang telah dibangkitkan bagi kedua-dua tahun taksiran.

Notis taksiran tambahan tersebut adalah dianggap sebagai telah diserahkan kepada syarikat pada tarikh yang sama. Rayuan hendaklah dibuat tidak lewat daripada 30.7.2012 dengan mengemukakan Borang Q bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 masing-masing.

- 4.4 Dalam kes taksiran pendahuluan, rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh masa 3 bulan pertama pada tahun taksiran berikutan tahun taksiran berkaitan dengan mana taksiran itu dibuat.

Contoh 4

Taksiran pendahuluan bagi tahun taksiran 2012 dibuat pada 15.8.2011 ke atas Encik D kerana perniagaannya (akaun biasanya ditutup pada 31 Mac) berhenti pada 30.6.2011. Akaun terakhir disediakan adalah bagi tempoh 1.4.2011 hingga 30.6.2011.

Tahun taksiran berkenaan dengan mana taksiran pendahuluan itu dibuat ialah 2012 dan tahun taksiran berikutan tahun taksiran tersebut ialah 2013. Maka rayuan terhadap taksiran itu hendaklah dibuat tidak lewat dari 31.3.2013.

5. Rayuan Terhadap Pemberitahuan Tidak Kena Cukai

5.1 Pemberitahuan tidak kena cukai dianggap sebagai notis taksiran dan menjadi asas pengemukaan rayuan kepada PKCP. Seseorang yang berhasrat untuk merayu kepada PKCP hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan tersebut.

5.2 Menurut peruntukan baru seksyen 97A ACP 1967, pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan kepada seseorang mengikut keadaan berikut:

5.2.1 Kes audit

Di mana keputusan daripada audit cukai:

- (a) tiada taksiran bagi sesuatu tahun taksiran perlu dibangkitkan kerana tiada pendapatan larasan, pendapatan berkanun, pendapatan agregat atau tiada jumlah pendapatan atau ada pendapatan tetapi pendapatan tersebut dikecualikan di bawah ACP 1967 atau Akta Penggalakan Pelaburan 1986; atau
- (b) taksiran bagi sesuatu tahun taksiran telah dibangkitkan ke atas orang itu tetapi orang itu tiada pendapatan berkanun daripada punca perniagaan

pemberitahuan tidak kena cukai bersama dengan pelarasan pengiraan cukai bagi tahun taksiran berkaitan akan dikeluarkan oleh cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan orang itu.

Contoh 5

Syarikat E telah menjalankan aktiviti perniagaan pengilangan sejak 1.2.2008 dan menutup akaun pada 31 Disember. Syarikat telah menuntut Elaun Pelaburan Semula (EPS) dalam tahun taksiran 2012 ke atas perbelanjaan yang layak berjumlah RM500,000. Dalam tahun taksiran 2012, Syarikat mengalami kerugian daripada perniagaan tetapi menerima pendapatan faedah. Syarikat mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2012 kepada KPHDN pada 29.7.2013. Syarikat telah diaudit oleh LHDNM pada 13.3.2015. Akibat daripada penemuan audit tersebut, pelarasan telah dibuat ke atas pengiraan EPS. Pemberitahuan tidak kena cukai berserta pengiraan pelarasan cukai telah dikeluarkan kepada syarikat pada 10.6.2015.

Syarikat tidak bersetuju dengan pelarasan EPS yang dibuat dan berhasrat untuk mengemukakan rayuan kepada PKCP. Pengiraan pelarasan audit adalah seperti berikut:

Pendapatan larasan/(Kerugian larasan) (40,000)		Tiada
EPS dituntut (amaun asal)	500,000	
Tolak:		
EPS tidak dibenarkan(penemuan audit)	<u>100,000</u>	
EPS hantar hadapan	400,000	
Faedah		<u>6,000</u>
Jumlah Pendapatan/Pendapatan bercukai		<u>6,000</u>

Syarikat boleh mengemukakan rayuan kepada PKCP bagi isu EPS yang tidak dipersetujui bagi tahun taksiran 2012 dengan menggunakan pemberitahuan tidak kena cukai yang mengandungi pengiraan pelarasan cukai.

Borang Q hendaklah dikemukakan oleh syarikat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran pemberitahuan tidak kena cukai iaitu tidak lewat dari 10.7.2015.

5.2.2 BNCP telah dikemukakan

Di mana seseorang yang telah mengemukakan BNCP bagi suatu tahun taksiran tidak kena cukai atau dikenakan cukai tetapi tiada pendapatan berkanun daripada punca perniagaan dan berhasrat untuk merayu terhadap layanan cukai yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum (KU) atau pendirian LHDNM, orang itu hendaklah memohon secara bertulis kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai.

Contoh 6

Syarikat F menutup akaun pada 31 Disember. Syarikat mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2011 pada 30.6.2012. Syarikat tidak dikenakan cukai tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 2/2008. Syarikat ingin membuat rayuan kepada PKCP dan memohon kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai. LHDNM mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai dan menyerahkannya kepada syarikat pada 20.8.2012.

Rayuan kepada PKCP hendaklah dikemukakan oleh syarikat tidak lewat dari 19.9.2012.

5.2.3 BNCP tidak perlu dikemukakan

Dalam kes di mana seseorang individu tidak perlu mengemukakan BNCP bagi sesuatu tahun taksiran di bawah subseksyen 77(1) ACP 1967 tetapi berhasrat untuk merayu terhadap layanan cukai yang dinyatakan dalam KU atau pendirian LHDNM, orang itu hendaklah mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran tersebut dan memohon secara bertulis kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai.

Contoh 7

Encik G memulakan perniagaan pada 1.2.2009. Beliau tidak dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2009 hingga 2011 dan oleh itu tidak perlu mengemukakan BNCP bagi tiga tahun taksiran tersebut. Beliau mematuhi semua KU yang berkaitan dalam penyediaan pengiraan cukai bagi tiga tahun taksiran tersebut tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 5/2005. Encik G berhasrat untuk merayu kepada PKCP. Dengan itu Encik G mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2009, 2010 dan 2011 pada 30.3.2012 dan menulis surat kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai. LHDNM mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai dan menyerahkan kepada Encik G pada 20.4.2012.

Rayuan kepada PKCP hendaklah dikemukakan oleh Encik G tidak lewat dari 20.5.2012.

- 5.3 Bagi tujuan subperenggan 5.2.2 dan 5.2.3, Jabatan Pemprosesan Maklumat, LHDNM akan mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai dan pengiraan cukai kepada orang itu setelah surat permohonan mendapatkan pemberitahuan tersebut diterima.

6. Rayuan Bagi Kes Perkongsian

Untuk rayuan yang melibatkan kes perkongsian, jika isu pertikaian adalah sama bagi setiap ahli kongsi, hanya satu rayuan (salah seorang ahli kongsi) sahaja perlu dikemukakan. Walaupun hanya satu rayuan dikemukakan, apa jua keputusan, sama ada di peringkat PKCP, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan, adalah terpakai kepada semua ahli kongsi yang lain dalam perkongsian tersebut.

7. Rayuan Yang Lewat

- 7.1 Sekiranya rayuan tidak dapat dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan lanjutan masa untuk merayu bolehlah dibuat melalui Borang N.
- 7.2 Alasan permohonan lanjutan masa hendaklah diberi. Antara alasan yang boleh dipertimbangkan adalah keadaan di luar kawalan perayu contohnya,

dimasukkan ke hospital bagi suatu tempoh yang panjang, berada di luar negara, terlibat dengan bencana alam atau sebab-sebab lain yang munasabah.

- 7.3 Borang N hendaklah dihantar ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail perayu. Perayu hendaklah mengemukakan 2 salinan Borang N bagi setiap tahun taksiran dan pastikan sekurang-kurangnya satu salinan Borang N asal manakala yang satu lagi adalah fotokopi. Borang N boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>.
- 7.4 Jika LHDNM bersetuju untuk memberi lanjutan masa, LHDNM akan mengeluarkan Borang CP15A-Pin. 1/2009 memberitahu perayu tarikh lanjutan baru penyerahan Borang Q, yang biasanya 30 hari dari tarikh CP15A.
- 7.5 Sekiranya lanjutan masa tidak dibenarkan, Borang N bersama-sama dengan kenyataan oleh KPHDN yang memberi sebab penolakan akan dikemukakan kepada PKCP. Perayu akan diberitahu secara bertulis dan salinan kenyataan KPHDN tersebut akan disertakan.
- 7.6 Dalam tempoh 21 hari selepas menerima pemberitahuan, perayu boleh mengemukakan kepada PKCP ulasan atau hujahnya secara bertulis berhubung dengan permohonannya dan kenyataan KPHDN.
- 7.7 Sekiranya PKCP bersetuju memberi lanjutan masa, PKCP akan memaklumkan perayu dan menyatakan Borang Q hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.8 Sekiranya permohonan ditolak, perayu akan dimaklumkan oleh PKCP dan perayu tidak berhak membuat rayuan selanjutnya. Keputusan PKCP adalah muktamad.

8. Alasan Untuk Rayuan

- 8.1 Rayuan terhadap sesuatu taksiran hendaklah disertakan dengan alasan. Kenyataan seperti **cukai terlalu tinggi** atau **cukai tidak dikira mengikut ACP1967** akan dianggap sebagai tidak jelas atau kekurangan perincian yang tidak dapat membantu dalam kajian semula taksiran.
- 8.2 Alasan rayuan hendaklah khusus dan merujuk kepada butir-butir dalam pengiraan cukai atau notis taksiran yang tidak dipersetujui oleh perayu. Lampiran bagi maklumat tambahan atau salinan dokumen berkaitan boleh disertakan, jika perlu.
- 8.3 Di mana Borang Q telah dikemukakan dan alasan untuk rayuan didapati tidak jelas atau kekurangan perincian, kajian semula taksiran tidak akan

dilaksanakan. Rayuan akan terus dikemukakan kepada PKCP tanpa kajian semula taksiran.

9. Kajian Semula Taksiran

- 9.1 Kajian semula ke atas taksiran yang dirayu akan dibuat sebaik sahaja pihak Ibu Pejabat LHDNM menerima Borang Q daripada cawangan.
- 9.2 Perayu mungkin dikehendaki:
- (a) mengemukakan maklumat tambahan atau menunjukkan buku akaun atau rekod atau dokumen lain yang berkaitan dengan taksiran berkaitan.
 - (b) hadir sendiri (atau orang lain yang berkenaan) untuk memberi bukti (secara bersumpah jika perlu).
- 9.3 Hasil dari kajian semula tersebut, cadangan mungkin dibuat kepada perayu untuk menyelesaikan rayuan dengan mengesahkan, mengurangkan, menaikkan atau melepaskan taksiran.
- 9.4 Jika didapati bahawa persetujuan tidak dapat dicapai, rayuan akan dikemukakan kepada PKCP.

10. Penyelesaian Rayuan

- 10.1 Perayu akan diberitahu secara bertulis apabila Borang Q dikemukakan kepada PKCP.
- 10.2 Pada bila-bila masa sebelum perbincangan, perayu dan KPHDN masih boleh berunding untuk mencapai persetujuan atau perayu boleh menarik balik rayuan.

11. Perwakilan

Semasa perbincangan, perayu boleh diwakili oleh seorang peguam dan / atau seorang ejen cukai.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**